

## **ISU KETUANAN MELAYU DI MALAYSIA <sup>1</sup>**

*(THE ISSUE OF POLITICAL SUPREMACY OF THE MALAY IN MALAYSIA)*

**Amri Marzali**  
amrimarzali@gmail.com

Universitas Indonesia, Jakarta  
Indonesia

Received: 18th September 2021; Accepted: 4th October 2021;  
Published: 26th October 2021

### **Abstract**

*This article discusses an important political concept in Malaysia, that is the political supremacy of the Malays. The Malays supremacy was resulted from a social contract between the native Malays, on one part, and the Indian and Chinese immigrants, on the other part, during the negotiation concerning the independent of Persekutuan Tanah Melayu before 1957. It was said in the contract the native Malays slackened the prerequisites for the citizenship of the Persekutuan Tanah Melayu for the Chinese and Indian immigrants, while the Chinese and the Indian immigrants admitted a dominant position of the Malays in political administration. However, after the Persekutuan Tanah Melayu changed into Malaysia in 1963, the Chinese and the Indians begin to be disloyal to the social contract. They wanted equal right among all Malaysian citizens. By using archaeological dan ethnohistorical approaches, I will trace the origins of the concept of native supremacy in the Malay Nusantara sociocultural context. Secondly, I will discuss the challenges facing the concept after Malay Land occupied by the British colonialist, particularly after the 1960es. The concept of “native sovereignty” is called *beschikkingsrecht* in Dutch language. It was invented by a Dutch expert of customary law, van Vollenhoven, in 1909 (ter Haar 1962). The concept of “native sovereignty” was originally aimed to remind the neighbour villagers or the foreigners when they passed on, or open a rice field, in a new area. They had to ask permission to the master of the land. Therefore, for the sake of harmonious social life, all ethnic groups in today's Malaysia, especially the new immigrants from different cultural background, it is suggested to learn and comprehend basic concepts in traditional native Malays customary law.*

**Keywords:** *native Malays, ethnicity, native sovereignty, beschikkingsrecht, Will of the Malay Kings.*

### **Abstrak**

Makalah ini membahas satu konsep politik dalam negara Malaysia, iaitu hak ketuanan Melayu. Ketuanan Melayu adalah hak politik orang Melayu hasil kesepakatan sosial

---

<sup>1</sup> Draf awal daripada makalah ini dibentangkan dalam PAHMI VI di Universitas Airlangga, Surabaya, 10-12 Julai 2012.

antara kaum peribumi Melayu dengan imigran pendatang dari China dan India menjelang kemerdekaan negara Persekutuan Tanah Melayu. Pada satu pihak, kaum peribumi Melayu memberi kelonggaran syarat kerakyatan (*citizenship*) bagi pendatang China dan India, sebaliknya pihak kaum pendatang menerima hakikat kedudukan istimewa kaum peribumi Melayu dalam bidang politik. Namun demikian, setelah Persekutuan Tanah Melayu berubah menjadi Malaysia pada tahun 1963, kaum Cina dan India mengkhianati kontrak sosial. Mereka menuntut persamaan hak bagi seluruh warganegara Malaysia dan semua bidang kehidupan. Dengan menggunakan pendekatan arkeologis dan etnohistoris, penulis ingin membincangkan asal-usul daripada konsep hak ketuanan Melayu dalam konteks sosiokultural Melayu Nusantara. Setelah itu akan dibahas cabaran-cabaran yang dihadapi konsep itu setelah Tanah Melayu jatuh ke tangan penjajah Eropah, terutama selepas 1960-an. Konsep “hak ketuanan” atau *beschikkingsrecht* dalam bahasa Belanda, ditemukan oleh ahli hukum adat, van Vollenhoven, pada tahun 1909 (ter Haar 1962). Konsep ketuanan Melayu memang berpunca dari kata “tuan,” namun kata tuan ini tidak bererti lawan daripada “hamba,” tetapi merujuk kepada pengertian *sovereignty* atau *daulat* dalam bahasa Melayu. Konsep hak ketuanan terutama dimaksudkan untuk mengingatkan penduduk desa jiran atau orang dagang supaya berhati-hati ketika melintas, memasuki, atau membuka ladang di sebuah kawasan. Mereka harus mendapat kebenaran daripada penguasa komuniti berkenaan. Demikianlah, demi kehidupan sosial yang harmoni, semua pihak di Malaysia masa kini, terutama kaum pendatang Cina dan India, sebaiknya mempelajari dan memahami konsep-konsep kultural dasar dalam kehidupan politik, ekonomi, dan sosial peribumi Malaysia.

**Kata Kunci:** peribumi Melayu, etnik, hak ketuanan, *beschikkingsrecht*, Wasiat Raja-raja Melayu.

## Pengenalan

“Ketuanan Melayu” adalah satu konsepsi tentang supremasi politik Orang Melayu di Malaysia. Dalam bahasa Inggeris, konsepsi ini disebut dengan pelbagai istilah, antara lain *Malay supremacy*, *Malay sovereignty*, atau *Malay dominance*. Mengikut pandangan orang Melayu, ketuanan Melayu adalah satu hak Orang Melayu untuk berkuasa secara dominan dalam politik Malaysia.<sup>2</sup> Adalah wajar jika Orang Melayu mendominasi politik Malaysia, kerana mereka adalah peribumi, pemilik tanah air, dan pewaris kekuasaan politik raja-raja Melayu. Berikut merupakan hak asasi penduduk asal di setiap negeri. Seorang Ustaz Cina Muslim, Mohd Ridhuan Tee Abdullah mengatakan: “...*mempertahankan ketuanan sesuatu bangsa di bumi mereka sendiri adalah fitrah manusia itu sendiri yang dijadikan oleh Allah SWT*” (Mohd Ridhwan Tee Abdullah, 2011, p. xii).

Pandangan pihak lain pula, orang Cina dan orang India adalah pendatang, kemudian yang dibawa masuk oleh penjajah Inggeris ke Malaysia sebagai *indented labour* sejak akhir abad ke-19. Kedua-dua kaum itu dibawa ke Malaysia untuk menutupi kekurangan sumber manusia (*human resources*) dalam kegiatan perlombongan timah dan estet getah. Sebahagian lain datang atas kehendak sendiri untuk mencari kehidupan yang lebih baik dibandingkan di negeri asal mereka. Sejarah kedatangan imigran ini tercatat dengan jelas dalam sejarah Malaya. Setelah negara Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, sebahagian besar orang Cina dan India mendapatkan hak kerakyatan

---

<sup>2</sup> Rujukan awal adalah kepada Persekutuan Tanah Melayu. Tetapi selepas itu PTM telah menjadi Malaysia. Oleh itu, seterusnya kita akan menggunakan istilah Malaysia.

yang sah. Hak ini diperoleh sebagai tukaran atas pengakuan mereka kepada hak ketuanan Melayu. Namun demikian, pada masa akhir-akhir ini hak ketuanan Melayu itu dicabar oleh warganegara baharu. Mereka menuntut negara Malaysia menjadi sebuah negara demokrasi liberal yang menghormati persamaan hak dalam segala aspek kehidupan, termasuk aspek politik. Gugatan itu menjadi isu yang makin hangat di Malaysia, terutama sejak dilancarkan DEB (Dasar Ekonomi Baru) tahun 1971.

Bagi orang Melayu, ketuanan Melayu di negeri Melayu adalah satu hal yang wajar, sama wajarnya seperti hak ketuanan orang Cina di negeri China, hak ketuanan orang India di negeri India, hak ketuanan Siam di negeri Siam, dan seterusnya. Di negeri Inggeris ada banyak warganegara keturunan Pakistan dan India tetapi ketuanan di negeri ini berada di tangan peribumi Inggeris. Semua penduduk harus mengikut kepada adat, bahasa dan undang-undang Inggeris. Berdasarkan keadaan pertentangan dua pendapat ini lahirlah isu “ketuanan Melayu,” yang terus panas sampai sekarang di Malaysia. Isu itu pernah mencapai puncaknya pada tahun-tahun 1969, 1986 dan 2008. Kajian ini akan membahas isu ini dari sudut pandang arkeologis dan etnohistoris.

### **Ketuanan Melayu Sebagai Isu Politik**

Konsep ketuanan Melayu sebagai sebuah isu politik, terserlah pertama kali dalam ceramah seorang ahli Parlimen Malaysia dari parti *United Malays National Organisation* atau UMNO kawasan Kok Lanas (Kelantan), iaitu Dato’ Abdullah Ahmad, ketika berucap di *Institute of Intenational Affairs*, Singapura, 30 Ogos 1986. Ketuanan Melayu yang dimaksudkannya adalah dominasi Melayu dalam bidang politik (Zainal Abidin Borhan 2009). Kenyataan Dato’ Abdullah Ahmad adalah dibuat dalam konteks isu perkauman (*ethnicity*) di Malaysia yang juga menjadi dua isu paling hangat dibincangkan kaum bukan-Melayu pada masa itu. Pertama ialah kedudukan istimewa orang Melayu dalam Konstitusi Malaysia (Pasal 153) dan kedua ialah DEB (1971). Kedua perkara itu menurut kaum bukan-Melayu adalah satu kekejaman yang menyasarkan orang bukan Melayu (Kadir, 1987: 8). Namun begitu, jawapan balas oleh Dato’ Abdullah ialah kaum bukan-Melayu itu telah mengambil kesimpulan sendiri atau dalam konteks sebelah pihak, tanpa mempelajari latar belakang sejarah kemunculan kedua dasar berkenaan.

Bagi Dato’ Abdullah, “Orang Melayu mesti menguasai politik Malaysia seperti juga orang Cina telah menguasai politik Singapura” (Kadir, 1987, p. 9-10). Sistem politik Malaysia yang memberi hak ketuanan kepada orang Melayu adalah hasil daripada kontrak sosial yang suci antara penjajah Inggeris, raja-raja Melayu, dan parti-parti Melayu (UMNO), Cina (*Malaysian Chinese Association* atau MCA), dan India (*Malaysian Indian Congress* atau MIC) pada masa menjelang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Kontrak sosial itu wujud dalam bentuk Konstitusi Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia), terutama Perkara/Fasal 153. DEB pula merupakan program yang dirancang setelah terjadi pergaduhan antara kaum pada tahun 1969. Oleh itu, tidak ada yang perlu digaduhkan dengan konsepsi ketuanan Melayu dan DEB ini. Pelbagai kaum bukan Melayu masa kini yang lupa, bahawa setiap kontrak selalu menjamin manfaat bagi semua pihak. Kontrak sosial yang memberi jaminan hak ketuanan Melayu telah dibayar pampasan bagi kaum Cina dan kaum India dalam bentuk hak kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia). Itulah *win-win solution* pada masa itu dalam rangka pemberian kemerdekaan Malaya oleh penjajah Inggeris. Kepada orang Cina Malaysia, Dato’ Abdullah mengingatkan agar jangan mengungkit-ungkit isu sensitif itu. Kepada Singapura pula, Dato’ Abdullah

meminta agar jangan menguar-uarkan isu ini bersama orang Cina Malaysia kerana orang Melayu Malaysia juga tidak memanas-manaskan orang Melayu Singapura tentang kedudukan mereka yang marginal di negara itu, meski mereka peribumi Singapura (Kadir, 1987, p. 16).

Ucapan Dato' Abdullah Ahmad ini bukanlah sesuatu yang tiba-tiba muncul. Menurut Hasan Ismail, ucapan ini “terbit sebagai jawapan kepada apa yang dibangkitkan oleh parti-parti pembangkang di sepanjang PRU (Pilihan Raya Umum) 1986 lalu yang menimbulkan keresahan dalam kalangan orang-orang Melayu” (Hasan Ismail, 1987, p. 53). Sebenarnya apa yang diucapkan oleh Dato' Abdullah adalah pandangan umum orang Melayu di Malaysia. Ucapan Dato' Abdullah Ahmad ini serta merta mendapat jawapan keras daripada pihak warganegara Malaysia bukan-Melayu, terutama kaum Cina. Tidak sampai 10 hari selepas itu, sebuah makalah jawapan muncul dalam akhbar Cina berbahasa Inggeris *The Star*, yang ditulis oleh Thomas Chiason. Chiason mengatakan bahawa, Dato' Abdullah tidak menyedari sumbangan yang telah diberikan oleh kaum bukan-Melayu dalam membangun negara ini. Jika parti pemerintah mendapatkan undi yang berkurang dalam PRU 1986 adalah disebabkan oleh pelbagai *policy* pemerintah yang tidak berkenaan di hati rakyat, termasuk skandal dalam *Bumiputera Monetary Funds* (BMF). DEB dikecam kerana impak negatifnya terhadap pelaburan dan polarisasi sosial manakala dasar birokrasi perkauman yang mengutamakan orang Melayu telah menyakitkan perasaan kaum bukan-Melayu (Chiason, 1987, p. 59-63).

Seorang lagi tokoh kaum Cina, Kua Kia Soong, menuduh ucapan Dato' Abdullah sebagai ucapan yang berani (Kadir, 1987, p. 64-70). Menurut Kua, tuntutan Dato' Abdullah tidak memperhatikan pendekatan moral, demokrasi, hak asasi manusia, dan undang-undang. Dato' Abdullah telah salah tafsir dalam membaca Konstitusi 1957. Jika konsep ketuanan Melayu tercantum dalam Konstitusi itu, maka negara Malaysia tidak mungkin wujud. Pemisahan masyarakat atas dasar peribumi dan bukan peribumi adalah sistem politik pilih kasih dan menjadi punca perpecahan bangsa. Jawapan terhadap ucapan Dato' Abdullah juga telah diberikan oleh banyak pakar ilmuwan dan tokoh politik Malaysia seumpama Tan Sri Dr. Tan Chee Khoo, Dr. Chandra Muzaffar, Lim Kit Siang, Dr. Mavis Puthuchery, Dr. Goh Cheng Teik, Kassim Ahmad, dan lain-lain yang semuanya dapat dibaca dalam Das (1987).

## **Konteks Sosiokultural Melayu Nusantara**

### **• Ketuanan Melayu pada Peringkat Desa**

Kebanyakan pakar ilmu sosial, sama ada Melayu ataupun bukan Melayu, mengaitkan hak ketuanan Melayu ini dengan kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan Melayu pertama di Semenanjung Malaysia adalah Melaka yang diperintah oleh raja-raja Melayu dan rakyat orang Melayu. Apabila Melaka jatuh pada tahun 1511 oleh Portugis, hak ketuanan ini diwariskan oleh Melaka kepada kerajaan-kerajaan Melayu lain, yang kemudian bergabung membentuk negara Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, merdeka pada tahun 1957, dan menjadi Malaysia pada tahun 1963. Jadi, institusi kerajaan Melayu yang menjadi dasar bagi hak ketuanan Melayu (Thock, 2007, p. 57). Pandangan yang serupa ini juga disepakati oleh sebahagian besar kaum intelektual Melayu dalam Seminar Nasional Ketuanan Melayu 2009 di Melaka (Borhan, 2009).

Penulis berpendapat bahawa pandangan di atas adalah ahistoris dan lepas konteks sosiokultural Nusantara. Seolah-olah masyarakat peribumi Malaysia tidak merupakan bahagian daripada peribumi Nusantara, tidak berkaitan dengan Orang Asli yang berbahasa Austronesia. Mereka terlupa bahawa kerajaan Melaka dibina oleh kaum bangsawan Melayu-Sriwijaya dari Palembang. Kerajaan Johor, pewaris Melaka, pernah berpusat di Riau-Lingga, dan menguasai belahan hilir Sungai Kampar (Pelalawan) dan Sungai Inderagiri di Riau. Bahkan masyarakat Melayu Malaysia, Dayak di Borneo, tidak dapat dipisahkan sejarahnya daripada kumpulan-kumpulan masyarakat Orang Asli. Mereka adalah keturunan bangsa Austronesia yang datang dari China Selatan dan Taiwan Selatan pada 3-4 ribu tahun yang lalu.

Dengan menggunakan Pendekatan Etnohistori, penulis akan memperlihatkan bahawa hak ketuanan Melayu telah menjadi ketentuan adat Melayu-Nusantara sejak zaman berzaman, jauh sebelum zaman Melaka. Konsepsi ketuanan Melayu lahir bersamaan dengan pendudukan orang Melayu Austronesia di alam Melayu-Nusantara (*Malay archipelago*). Orang Melayu berbahasa Austronesia adalah penduduk pertama di alam Melayu-Nusantara, hidup berpencar dan berkembang biak, membentuk pelbagai kumpulan etnik di seantero Nusantara (Bellwood, 2009; Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia). Sebelum kedatangan pengaruh Hindu-Buddha dari barat dan Cina dari utara, kumpulan-kumpulan etnik ini hidup dalam komuniti-komuniti perdesaan yang berdikari (*autonomous and self-sufficient community*). Komuniti-komuniti ini mempunyai nama tersendiri mengikut bahasa tempatan, seperti *nagari* pada orang Minangkabau, *huta* pada orang Batak, *banjar* pada orang Bali, *banua* pada orang Banjar, *marga* pada orang Palembang, *dusun* pada orang Petalangan, atau *desa* secara umum.

Masing-masing kumpulan etnik itu bertutur dalam salah satu dialek keluarga bahasa Austronesia, hidup di bawah panduan adat Melayu-Nusantara, yang merupakan sebahagian daripada adat Melayu-Polinesia (Asmah Haji Omar, 2009; Marsden, 1966). Sisa-sisa tinggalan daripada kehidupan tradisional itu masih terserlah dalam komuniti-komuniti asli Dayak di pedalaman Borneo, Nias di kepulauan Nias dan Mentawai di barat Sumatera, Badui di Banten-Jawa Barat, Jakun di Semenanjung Malaysia, Talang Mamak di Sumatera Tengah, dan di pelbagai tempat pedalaman Sulawesi, Flores, Maluku dan lain-lain (Koentjaraningrat, 1964; Kartohadikoesoemo, 1965). Dalam komuniti perdesaan ini peribumi ialah “tuan” dan mempunyai “hak ketuanan” atas seluruh alam, wilayah, dan kekayaan alam yang ada di atas dan di bawah buminya. Mereka berdaulat dalam seluruh bidang kehidupan komuniti, termasuk bidang politik dan ekonomi.

Hak ketuanan itu sama dengan yang disebut *beschikkingsrecht* oleh pakar hukum-adat Van Vollenhoven (Van Vollenhoven, 1982; Ter Haar, 1962). Konsep ketuanan Melayu memang berpunca daripada kata “tuan,” namun kata tuan ini tidak bererti lawan daripada “hamba,” tetapi merujuk kepada pengertian *sovereignty* atau *daulat* dalam bahasa Melayu. Hak ketuanan sebuah komuniti terutama ditujukan kepada komuniti jiran dan orang dagang yang melintas di kampung. Sesiapa yang hendak melintas, atau hendak membuka ladang, di kawasan ketuanan sebuah komuniti, harus meminta kebenaran daripada penguasa komuniti berkenaan. Pelanggaran terhadap hak ketuanan sebuah komuniti boleh dikenakan denda. Pada masa lampau, pertengkaran berkenaan dengan garis sempadan komuniti boleh mencetuskan perang antara kampung berjiran.

Hak ketuanan dalam bidang pertanahan disebut “*hak ulayat*” dalam bahasa Minangkabau atau “*hak saka*” dalam bahasa Senoi (Semenanjung Malaysia) (Ter Haar,

1962; Tenas Effendy, 1997; Carey, 1976). Meskipun hak ulayat ini, sebagai sebuah konsep undang-undang adat baharu ditulis oleh Van Vollenhoven pada tahun 1909, namun hak ini adalah berasal daripada hukum asli peribumi Melayu-Nusantara. Kartohadikoesoemo mengatakan:

“Menurut hukum adat asli maka hak atas tanah adalah sepenuhnya di tangan rakyat desa, tidak saja kekuasaan atas tanah pertanian, akan tetapi juga atas tanah yang belum digarap (ditanami), malah juga meliputi hutan belukar dan gunung-jurangnya (sa-tebanne sa-jurang-perengge). Raja-raja tidak mengambil kekuasaan atas tanah ini.”<sup>3</sup>

Raja-raja bahkan tidak punya hak atas tanah ulayat itu. Misalnya, hampir seluruh tanah dan hutan di Pelalawan, Riau, adalah tanah ulayat Orang Petalangan. Walaupun kekuasaan politik berada di tangan Sultan Pelalawan, tetapi apabila pihak kerajaan berkehendak atas sebidang tanah ulayat milik Orang Petalangan, pihak kerajaan harus “terlebih dahulu melakukan musyawarah dan memintanya secara baik-baik” kepada Orang Petalangan (Tenas Effendy, 1997, p. 61). Properti lain yang juga termasuk kedalam hak ulayat ini adalah “Air (sungai-sungai, dan kawasan laut atau sasi laut), flora liar (pohon lebah, pohon buah-buahan dan pohon kayu) dan binatang-binatang liar yang berada di dalam kawasan tersebut” (Ter Haar, 1962, p. 97). Pada zaman kolonial Eropah hak rakyat atas tanah ulayat mulai terjejas. Di Sarawak dan Sabah, perkara pencerobohan tanah ulayat oleh negara berkembang menjadi isu *Native Customary Right* (NCR). Perkara semacam ini juga terjadi di Sumatera Barat, Riau, dan tempat-tempat lain di Indonesia (Adam, 1998; Utusan Sarawak, 2011; Hasan, 1988; Rab, 2002). Jadi rumusannya, dalam tradisi hukum adat peribumi Melayu-Nusantara, tanah bukanlah barang yang boleh dimiliki dengan samahu-mahunya oleh sesiapa sahaja.<sup>4</sup>

Hak ketuanan sebuah komuniti juga tercermin dalam sistem pemerintahan desa. Setiap desa dipimpin oleh seorang kepala desa yang disebut dengan istilah “datok empat” di Selangor, “penghulu pucuk” di Minangkabau, “lurah” di Jawa, “klian banjar” di Bali, “imeum peut” di Aceh, “raja nagori” di Maluku, “ketiapan” di Petalangan, dan seterusnya (Koentjaraningrat, 1964; Kartohadikoesoemo, 1965). Dalam menjalankan pentadbiran desa, kepala desa dibantu oleh “mantri-mantri.” Di bawahnya setiap suku atau jorong, mempunyai pula seorang kepala yang bertanggung jawab atas keselamatan dan kesejahteraan anak buahnya. Jadi rumusannya, sejak awal sudah ada sistem pemerintahan yang teratur dalam komuniti asli suku-bangsa Melayu-Nusantara. Hak ketuanan atas wilayah dan pemerintahan komuniti itu berada di tangan pemimpin komuniti, tiada sesiapa yang boleh mencabarnya.

#### • **Ketuanan Melayu pada Peringkat Kerajaan**

Kedatangan pengaruh Hindu-Buddha ke alam Melayu-Nusantara membawa dua kesan utama, dalam aspek ekonomi adalah pengenalan dengan teknologi pertanian sawah, manakala dalam aspek politik adalah sistem pemerintahan *chiefdom*. Mulai abad pertama sampai abad ke-5 Masehi muncul kerajaan-kerajaan Melayu di Nusantara, antara lain Panpan di Dunsun (utara Semenanjung Melaka), Langkasuka-Kedah, Chitu, Kiu-Li (pesisir timur Semenanjung Melaka), Barousai (pantai barat Sumatera Utara), Poli (Bali),

<sup>3</sup>Naskah aslinya adalah dalam bahasa Indonesia ejaan lama.

<sup>4</sup> Bagaimanapun, sistem pemilikan tanah tradisional ini telah dirombak oleh penjajah British di Malaya pada tahun 1880 melalui *Sistem Tanah Torrens*, dan oleh Belanda di Indonesia tahun 1870 melalui *Agrarische wet*.

Chu-po (Kalimantan Utara), Tarumanagara (Jawa Barat), dan Kutei (Kalimantan Timur) (Munoz, 2009). Kerajaan-kerajaan awal itu adalah kecil yang tidak berumur panjang, kecuali Kutei dan Tarumanagara. Kerajaan-kerajaan ini belum memperlihatkan tanda-tanda pengembangan peradaban tinggi, mungkin lebih tepat untuk disebut sebagai *kedatuan (chiefdom)*, belum sampai pada peringkat *kingdom (state)*.

Perkembangan sistem politik yang lebih tinggi baharu menjana lebih nyata mulai abad ke-7, ketika kerajaan Melayu lahir di Jambi dan kerajaan Sriwijaya berkembang di Palembang. Kedua kerajaan ini dikatakan menguasai pelayaran Selat Melaka. Salah satu monumen peradaban tinggi hasil kerajaan Sriwijaya ialah candi Borobudur dibina tahun 825M di Jawa Tengah. Peradaban Hindu-Buddha ini mencapai puncaknya pada zaman kerajaan Majapahit di Jawa Timur (1294-1527) dan kerajaan Pagar Ruyung zaman Adityawarman (1347-1374). Di Semenanjung Malaysia, kerajaan Melaka dipandang sebagai bukti nyata tentang hak ketuanan Melayu, dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Orang bukan Melayu yang datang dan berdiam di kerajaan-kerajaan itu dipandang sebagai orang dagang, atau pendatang, atau orang asing. Kedudukan kaum dagang ini diatur dalam Kanun Laut Melaka.

Setelah Melaka jatuh tahun 1511, selama berabad-abad negeri-negeri Melayu di Malaysia telah diduduki oleh pelbagai penjajah dari Eropah, iaitu Portugis, Belanda, dan Inggeris. Perjuangan mereka melawan penjajah-penjajah ini adalah satu perjuangan merebut kembali hak pertuanan bangsa Melayu atas negeri itu. Perjuangan di Semenanjung Melaka telah dibayar dengan nyawa pahlawan-pahlawan peribumi seumpama Mat Kilau, Dato' Bahaman, Tok Gajah Imam Rasu, Tok Janggut, Dato' Maharaja Lela, Ngah Ibrahim, Raja Mahadi, Dol Said, Dato' Naning, dan lain-lain (Kachar, 2009, p. 18). Perjuangan mati hidup itu tidak kena mengena dengan imigran dari India dan Cina, kerana secara legal mereka adalah bangsa asing. Mereka mempunyai tanah air sendiri. Secara mentaliti pula mereka tidak berasa bertanggungjawab untuk membebaskan negeri ini daripada penjajah Eropah. Bahkan sebahagian daripada mereka mungkin berasa rugi jika penjajah pergi meninggalkan negeri Melayu itu.

## **Cabaran Terhadap Hak Ketuanan Melayu**

### **• Cabaran Malayan Union (1946)**

Cabaran awal terhadap hak ketuanan Melayu ialah selepas Perang Dunia Kedua tahun 1946, Inggeris bercadang hendak menubuhkan negara Malayan Union. Dalam negara itu, sembilan negeri Melayu dan seluruh negeri Selat, kecuali Singapura, digabungkan menjadi satu bawah pemerintahan seorang Gabenor Jeneral British. Oleh itu, tidak ada lagi Residen-residen British yang menjadi "penasihat" kepada Raja-raja Melayu. Tidak ada lagi hak ketuanan raja-raja Melayu dan rakyat Melayu atas negerinya. Seterusnya, semua penduduk Malayan Union, sama ada peribumi Melayu mahupun pendatang asing dari Cina dan India, adalah sama darjat di sisi undang-undang negara. Mereka diberi hak kerakyatan melalui prinsip *jus soli* (Saat, 2009, p. 24-41).

Semua raja Melayu dalam keadaan terpaksa mengiktiraf cadangan itu. Mereka serahkan hak ketuanan Melayu kepada Inggeris. Sebaliknya, seluruh rakyat Melayu

daripada semua kumpulan dan lapisan politik bergerak menentang Malayan Union.<sup>5</sup> Bagi orang Melayu, pemansuhan kedaulatan raja-raja Melayu bermakna penafian hak ketuanan Melayu secara legal atas Malaya dan menghapuskan kedudukan Orang Melayu sebagai peribumi di Tanah Melayu (Ahmat, 1996, p. 162-63). Penolakan ini telah membangkitkan semangat persatuan seluruh bangsa Melayu di Malaya, satu semangat yang selalu diingatkan oleh Mohamed Indris bin Abdul Raof al-Marbawi, seorang ulama watan dari Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, yang lama belajar Islam di Mekah dan Mesir (Faisal bin Ahmad Shah, 2009, p. 39). Oleh yang demikian, lahirlah organisasi politik UMNO bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar pada tahun 1946 (Ramlah Adam, 2004, p. 2). Inilah pertama kali seluruh rakyat Melayu bersatu menentang musuh yang satu, iaitu Malayan Union, demi mempertahankan hak ketuanan Melayu atas Tanah Melayu.

Rundingan demi rundingan dibuat antara UMNO, Raja-raja Melayu, dan penjajah Inggeris. Unjuk rasa demi unjuk rasa dibenteng dalam menentang Malayan Union. Pada akhir Jun 1946, setelah melalui pelbagai onak dan duri, usaha bangsa Melayu berjaya. Pemerintah kolonial British menerima cadangan untuk memansuhkan Malayan Union (Ramlah Adam, 2009, p. 108). Pada Julai 1946, satu Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*) telah dilantik oleh Inggeris bagi mendraf satu bentuk perlembagaan baharu bagi Malaya merdeka. Badan itu terdiri daripada enam orang pegawai Inggeris, empat orang wakil Raja-raja Melayu, dan dua orang wakil UMNO. Ahli Badan tersebut bermesyuarat dari Ogos sampai Disember 1946. Hasilnya adalah satu rangka perjanjian tentang penubuhan negara Persekutuan Tanah Melayu, dengan tiga prinsip dasar, iaitu:

- ✿ Kedaulatan dan kuasa-kuasa raja-raja Melayu dipelihara.
- ✿ Syarat-syarat kewarganegaraan yang lebih ketat bagi kaum bukan-Melayu, dan
- ✿ Kedudukan istimewa kaum Melayu dijamin (Hj. Mohd Jali et al, 2009, p. 44).

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ini, diakui oleh Thock Ker Pong sebagai kejayaan babak pertama dalam perjuangan orang Melayu menegakkan hak ketuanan Melayu dalam perlembagaan sebuah negara moden (Thock, 2007, p. 62).

#### • **Cabaran Kaum Pendatang**

Perjuangan babak kedua Orang Melayu ialah pembentukan sebuah negara merdeka, yang bukan hanya bebas daripada penjajahan Inggeris tapi juga terus mempertahankan hak ketuanan Melayu. Kini lawan utama Orang Melayu bukan lagi Inggeris, tetapi kaum pendatang, khususnya Cina, yang menguasai ekonomi Malaya. Kaum Cina dan India menuntut persamaan hak dengan peribumi Melayu dalam negara baru itu. Mereka tidak menerima tiga prinsip dasar yang dicadangkan di atas. Mereka menubuhkan sebuah organisasi bersama, iaitu *All-Malaya Council of Joint Action* (AMCJA), dengan ketua Tan Cheng Lock, pada Disember 1946. Mereka mengemukakan pula satu memorandum sendiri bagi negara Malaya baharu, iaitu:

- ✿ Penyatuan seluruh Tanah Melayu (termasuk Singapura),
- ✿ Pemerintahan sendiri melalui sebuah Badan Perundangan Pusat dengan ahli-ahli yang dipilih rakyat, dan
- ✿ Hak-hak kerakyatan yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tanah air dan tumpuan taat setia (Hj. Mohd Jali et al., 2009, p. 45).

Meski negara Persekutuan Tanah Melayu dirasmikan pada 1 Februari 1948 dengan konstitusi sesuai dengan keputusan Jawatankuasa Kerja, tetapi negara itu belum merdeka.

---

<sup>5</sup>Pada awalnya tertarik dengan pemansuhan sistem feodal Melayu, kelompok kiri Melayu-Raya bersetuju dengan konsep Malayan Union ini. Tapi setelah memahami maksud Inggeris yang sebenarnya, mereka pun ikut menolak.



Masalah utama yang dihadapi oleh negara baharu ini ialah perpaduan antara kaum. Kaum bukan-Melayu masih belum bersetuju sepenuhnya dengan cadangan konstitusi itu. Isu utama ialah berkenaan dengan bahasa nasional, agama negara, kerakyatan kaum bukan-Melayu. Di sini terlihat kecerdikan dan kelicikan Inggeris, seolah-olah berlaku sebagai “pendamai” walhal mereka mempunyai agenda ekonomi-politik tersendiri. Sepatutnya kaum bukan-Melayu ini menjadi tanggungjawab Inggeris. Merekalah yang mengimportnya dari negeri asalnya. Inggeris ikut bermain rancak dalam tawar-menawar isi konstitusi negara baharu itu.

#### • **Konstitusi Negara Persekutuan Tanah Melayu: Sebuah Kontrak Sosial Antara Kaum**

Sejak tahun 1951, perjuangan untuk menghasilkan satu konstitusi yang kukuh dijalankan melalui organisasi parti politik. Majoriti kaum Melayu bergabung dalam parti UMNO, kaum Cina dalam MCA, dan kaum India dalam MIC. Mereka bertiga bergabung dalam satu persekutuan yang bernama Parti Perikatan. Parti-parti lain adalah minoriti. Dalam Pilihan Raya Umum tahun 1955, daripada 51 dari 52 kerusi di Parlimen direbut oleh Parti Perikatan, satu lepas ke tangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Satu kabinet baharu dibentuk berdasarkan atas hasil PRU itu, dan Tunku Abdul Rahman dipilih sebagai Perdana Menteri. Selepas itu rundingan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu mula dijalankan antara penjajah Inggeris dengan parti berkuasa itu. Akhirnya, pada 18 Januari 1956 Inggeris bersetuju untuk memberikan kemerdekaan, dengan syarat dibentuk satu Suruhanjaya untuk merangka dan menyusun konstitusi baharu Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya itu telah bekerja selama tahun 1956 bawah pimpinan seorang pegawai Inggeris, Lord Reid, dengan anggota Sir Ivor Jennings (Inggeris), Sir William Mckell (Australia), B. Malik (India), Hakim Abdul Hamid (Pakistan). Dalam menyusun konstitusi itu, Suruhanjaya menerima pelbagai memorandun daripada pelbagai pihak, tetapi yang berpengaruh adalah memorandum daripada raja-raja Melayu dan parti Perikatan. “Dalam proses ini berlakulah tolak ansur antara kaum dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan mereka. Misalnya, kaum peribumi melonggarkan syarat kerakyatan bagi bukan peribumi, sementara kaum bukan peribumi menerima kedudukan istimewa kaum peribumi. Secara tidak langsung berlaku satu perjanjian murni antara kaum-kaum di negara ini demi kepentingan bersama” (Hj. Mohd Jali et al., 2009, p. 54). Konstitusi ini diluluskan oleh Parlimen pada 15 Ogos 1957, disahkan pada 27 Ogos 1957, dan pada 31 Ogos 1957 negara Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka.

Meskipun kata “ketuanan Melayu” tidak tercantum dalam konstitusi, tetapi konstitusi menjamin kedudukan istimewa kaum Melayu. Jaminan itu tercantum dalam enam Perkara/Fasal dalam konstitusi dan satu Seksyen dalam Akta Angkatan Bersenjata Malaysia 1972. Jaminan itu disebut Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu seperti berikut:

- 1) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung, Persekutuan Tanah Melayu (Fasal 1 Konstitusi);
- 2) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50%, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain (Fasal 89 Konstitusi);
- 3) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami telah tubuhkan Rejimen Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara (Seksyen 16 (1) Akta Angkatan Bersenjata 1972);

- 4) Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan Raja-Raja Melayu memerintah negara ini (Fasal 32 Konstitusi);
- 5) Kami isytiharkan Islam ialah Agama Persekutuan (Fasal 3 Konstitusi);
- 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu (Fasal 152 Konstitusi); dan
- 7) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-raja Melayu untuk melindungi Kedudukan Keistimewaan Orang Melayu dan Kepentingan Sah Kaum-kaum Lain (Fasal 153 Konstitusi).

## **Tindakbalas Kaum Pendatang**

### **• Kerusuhan Etnik 1969**

Beberapa tahun sebelum dan sesudah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, semua pihak nampaknya dapat menerima prinsip hak ketuanan Melayu, utamanya kaum bukan-Melayu yang mendukung parti MCA dan MIC. Kata Tunku Abdul Rahman, "*Orang Melayu telah memberikan pengorbanan yang begitu banyak daripada hak-hak sebagai bumiputera Tanah Melayu kepada bangsa-bangsa bukan Melayu....*". Orang Melayu menghargai hubungan sosial dalam masyarakat sebangsa, serumpun, dan se peradaban demi mengekalkan keamanan (Abd Razak & Wan Husin, 2011, p. 216). Seorang pemimpin kaum Cina, T.H. Tan, telah pula berkomentar, "*...mereka (orang Melayu) dengan penuh rela menyokong calon-calon Perikatan berbangsa Cina dan India. Bukan sahaja mereka melepaskan kerusi-kerusi yang tidak syak lagi boleh menjadi milik mereka, malah mereka bekerja keras, sedaya upaya untuk calon-calon Cina dan India*" (Hj. Mohd Jali et al., 2009, p. 53).

Namun keadaan ini tidak berlaku lama. Pada tahun 1963, Persekutuan Tanah Melayu ditambah dengan tiga negeri baru: Singapura, Sarawak, dan Sabah, berubah menjadi Malaysia. Oleh yang demikian, jumlah kaum Cina bertambah dengan sangat besar. Isu bahasa dan pendidikan nasional yang sudah diterima dalam konstitusi, mulai diungkit-ungkit menjadi isu politik oleh kaum bukan-Melayu, khususnya kaum pembangkang Cina. *Peoples Action Party* (PAP) bawah pimpinan Lee Kuan Yew menggoncang konstitusi dengan konsep "Malaysian Malaysia," menuntut persamaan hak bagi semua warganegara Malaysia dalam segala hal. Tuntutan itu tidak terkabul dalam Parlimen. Singapura kecewa dan keluar dari Malaysia tahun 1965. Bagi pihak lain, kaum Melayu pun kecewa dengan kelambanan negara dalam usaha memajukan perekonomian orang Melayu yang jauh tertinggal daripada kaum Cina. Seberapa dominan pun kekuasaan Melayu dalam bidang politik, tetapi ekonomi adalah di tangan kaum Cina.

Dominasi ekonomi Cina ini terserlah dalam kes proposal Menteri Pertanian Abdul Aziz Ishak. Tahun 1960, Menteri Pertanian membuat proposal perubahan cara pemasaran hasil pertanian melalui penubuhan koperasi. Proposal itu tidak berjaya, kerana mendapat tentangan yang hebat daripada pimpinan MCA. Mereka melihat proposal itu sebagai ancaman terhadap kepentingan kapitalis Cina. Tentangan MCA ini mendapat dukungan daripada Perdana Menteri yang ingin mengekalkan keadaan *status quo*. Akibatnya, Abdul Aziz Ishak tersingkir daripada kabinet tahun 1963. Kes itu disebut sebagai krisis supremasi ketuanan Melayu (Thock, 2007, p. 66).

Punca krisis meletus setelah keluar hasil PRU 1969. Dalam PRU 1969 parti Perikatan hanya memenangi 63% daripada 104 kerusi Parlimen, walhal dalam PRU 1964 mereka mendapat 86%. Kekalahan terutama menimpa calon-calon daripada parti Cina

MCA. Pengundi Cina banyak yang beralih mengundi parti-parti pembangkang (Parti Gerakan dan DAP). MCA kalah dalam 20 daripada 33 calon yang ikut bertanding. Atas kekalahan ini MCA menarik diri daripada pemerintah, merasa tidak disokong lagi oleh majoriti kaum Cina. Para penyokong parti Gerakan dan DAP membuat perarakan kemenangan pada 11 dan 12 Mei 1969, terutama di kota Kuala Lumpur. Dalam perarakan ini terdengar kata-kata kotor dan penghinaan kepada kaum Melayu (Haji Ismail, 2005, p. 348). Antara yang dilaungkan ialah:

- \* Buang semua polis Melayu.
- \* Mati Melayu, Sakai pergi masuk hutan.
- \* Kuala Lumpur sekarang Cina punya.
- \* Melayu sekarang ta' ada kuasa lagi.
- \* Ini negeri bukan Melayu punya.
- \* Kita mahu halau semua Melayu (Majlis Gerakan Negara, 1969, p. 29-35).

Meskipun undi Perikatan menurun banyak, tetapi pada peringkat nasional Perikatan tetap keluar sebagai pemenang PRU. Oleh itu, pada 13 Mei 1969, Orang Melayu membuat pula perarakan kemenangan di Kuala Lumpur. Perarakan kontra perarakan akhirnya melahirkan kerusuhan etnik 13 Mei, Melayu versus bukan-Melayu (Majlis Gerakan Negara, 1969; Abdul Rahman, 1969). Kerusuhan Mei 13, 1969 adalah kejadian yang disesalkan oleh semua pihak di Malaysia sehingga kini.

#### • **Usikan Tan Sri Abdullah Ahmad (1986)**

Setelah pergaduhan etnik 1969 suasana politik Malaysia nampak seolah-olah tenang. Namun, di arus bawah tetap tegang. Kaum bukan-Melayu tetap berasa tidak puas dengan prinsip hak ketuanan Melayu. Mereka terus menguar-uarkan isu persamaan hak. Dalam kondisi seperti ini menyebabkan lahirnya ucapan Tan Sri Abdullah Ahmad tentang konsep ketuanan Melayu.

#### • **Isu Dalam Pilihan Raya Umum 2008**

Isu ketuanan Melayu kembali panas pada masa PRU 2008. Kes Dato' Abdullah, isu ini bangkit semasa kempen Pilihan Raya Umum (PRU). Antara isu-isu utama ialah:

- \* Siapa kaum pendatang.
- \* HINDRAF dan ISA.
- \* Penolakan kaum bukan-Melayu terhadap Dasar Ekonomi Baru.
- \* Penolakan kaum bukan-Melayu terhadap Dasar Perkhidmatan Awam (Hussain, 2009).

#### • **Isu Kaum Pendatang**

Isu ini ialah mengenai tuntutan MCA (parti Cina dalam Barisan Nasional) supaya Ketua UMNO Bahagian Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail, meminta maaf kerana dalam kempen pilihan raya kecil Parlimen Pematang Pauh telah berkata "Orang Cina di Malaysia ialah kaum pendatang." Pernyataan ini telah membangkitkan kemarahan orang Cina di Malaysia. Datuk Ahmad Ismail tidak berasa bersalah. Apa yang dikatakannya ialah kenyataan sejarah. Bagaimanapun, demi menjaga ketenteraman negara, Majlis Tertinggi UMNO telah menghukum Dato Ahmad Ismail. Keanggotaan UMNO beliau digantung selama tiga tahun. Atas kejadian ini banyak orang Melayu yang marah dan kecewa. Pada masa yang hampir sama, Ketua Pergerakan Wanita Parti Gerakan, Lian Hoe, membuat pernyataan "Orang Melayu adalah pendatang dari Kepulauan Melayu di Nusantara, orang Cina dari China dan orang India dari India (*Utusan Malaysia*, 15 Oktober 2008). Namun demikian, pernyataan Lian Hoe ini tidak menimbulkan isu besar bagi pihak Orang

Melayu. Ahmad Atory Hussain, profesor politik dari Universiti Sains Malaysia, menyatakan perasaan hairan beliau tentang dangkalnya pengetahuan sejarah anggota Parlimen Cina ini.

- **Isu Penahanan Aktivis HINDRAF**

Pada 25 November 2007 kaum India melakukan tunjuk perasaan dan mengirim satu memorandum kepada Kedutaan Inggeris di Kuala Lumpur. Mereka menuduh pemerintah Malaysia telah menghukum rakyat Commonwealth etnik India yang cinta damai. Sejak kemerdekaan, pemerintah Malaysia tidak memperhatikan pembangunan kaum India, dan menafikan hak-hak mereka dalam Konstitusi 1957. Kaum India berasa diketepikan oleh Kerajaan Malaysia, membuat mereka menjadi menjadi kaum miskin (Appadurai & Dass 2008). Mereka membuat tunjuk perasaan menyerang parti pemerintah menjelang PRU Mac 2008.

Akhir tahun 2008 pula, pemerintah menahan beberapa aktivis *Hindu Right Action Force* (HINDRAF) atas dasar Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka dituduh telah melakukan demonstrasi haram. Organisasi mereka tidak diiktiraf. Aksi mereka dianggap menjejaskan harmoni hubungan perkauman. Tindakan pemerintah itu telah mendapat banyak kritikan daripada pelbagai pihak, terutama daripada *Non-Government Organization* (NGO). Mereka terus mengungkit masalah kemiskinan kaum India yang diabaikan oleh pemerintah UMNO. Pada 21 Oktober 2008 Menteri Dalam Negeri mengharamkan organisasi HINDRAF. Tuduhannya bukanlah kerana mereka memperjuangkan hak-hak kaum Hindu dan kaum India, tetapi mereka memusuhi Melayu dan Islam. Gerakan mereka dipandang bersifat perkauman yang boleh membahayakan negara.

- **Isu Dasar Ekonomi Baru**

Sekian lama orang Cina dan orang India tidak menyukai DEB kerana dianggap sebagai diskriminatif, tidak adil, hanya menguntungkan Orang Melayu. Salah satu strategi DEB ialah memperbanyak dan memperkasa peranan dan fungsi perbadanan awam. Jumlah perbadanan awam telah berkembang daripada 22 pada tahun 1960 menjadi 1,149 pada tahun 1992. Pertumbuhan jumlah perbadanan awam membawa akibat peningkatan modal dan perbelanjaan negara. Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1977) peruntukan perbelanjaan perbadanan awam adalah RM 4.6 bilion, dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) meningkat menjadi RM 57.5. Hal yang lebih dibenci oleh kaum kapitalis Cina ialah perbadanan awam banyak merebut peluang perniagaan kapitalis Cina (Thock, 2007, p. 77-78). Kaum India merasakan hal sama, menuduh DEB hanya mementingkan kaum peribumi, kurang memperhatikan kaum India miskin. Keadaan kemiskinan kaum India tidak terungkap dalam laporan-laporan rasmi kerajaan (Appadurai & Dass, 2008).

### **Cabaran Pakatan Rakyat**

Pilihan Raya Umum Mac 2008 adalah satu peristiwa yang bersejarah dalam politik Malaysia. Barisan Nasional (BN) yang dipimpin oleh UMNO menderita kalah paling serius. Dalam PRU 2004, Barisan Nasional menang 199 kerusi di Parlimen, tahun 2008 merudum menjadi 149 kerusi. Barisan Nasional kehilangan majoriti 2/3 di Parlimen dan kehilangan kuasa atas kerajaan negeri Selangor, Perak, Pulau Pinang, dan Kedah. Kelantan

pula sejak daripada dahulu lagi memang sudah bawah kuasa pembangkang PAS. Hal yang membimbangkan Barisan Nasional adalah dalam kiraan suara pengundi. Barisan Nasional mendapatkan 4,081,115 (51.4%) undi, manakala lawannya, Pakatan Rakyat, memperoleh 3,767,606 (47.5%) undi (Ahmad, 2012, p. 2).

Berdasarkan keadaan tersebut, UMNO telah membangkitkan isu krisis ketuanan Melayu. UMNO mendakwa hasil PRU 2008 membuat hak ketuanan Melayu berada dalam keadaan bahaya. Sejak perjuangan menentang Malayan Union tahun 1946 sampai kini, UMNO mendabik dada sebagai satu-satunya parti yang memperjuangkan hak ketuanan Melayu. Dengan merudumnya undi UMNO dalam PRU 2008, hak ketuanan Melayu berada dalam keadaan krisis. Biang keladi daripada malapetaka itu adalah parti Pakatan Rakyat (perikatan tiga parti: PAS, PKR, dan DAP) bawah pimpinan Anuar Ibrahim. Bagi pihak lain, parti-parti pembangkang Melayu (PAS dan PKR) memang tidak berjuang bagi mempertahankan ketuanan Melayu. Dikatakan oleh Anuar Ibrahim, “...*kita tidak lagi bercakap mengenai ketuanan Melayu, tetapi ketuanan rakyat*” (Borhan, 2009).

Tuduhan UMNO dijawab oleh Kamarudin Jaffar dengan cara membandingkan hasil PRU 2004 dengan PRU 2008. Dalam PRU 2004, ahli Parlimen Melayu adalah 122 orang, manakala dalam PRU 2008 meningkat menjadi 130 orang. “*Yang lemah sebenarnya ialah UMNO dan bukan Melayu. Dari segi politik sesungguhnya Melayu bertambah kuat, bukan semakin lemah...*” Dengan sinis Kamarudin mengatakan bahawa yang berada dalam keadaan krisis bukanlah ketuanan Melayu, tetapi “ketuanan UMNO” (Jaffar, 2010, p. 76, 80, 96). Menimbang keadaan semacam ini, para intelektual Melayu telah menyelenggarakan satu seminar nasional tentang ketuanan Melayu di Melaka pada 6-7 Januari 2009. Hasil seminar nampaknya tidak banyak merubah sikap pihak-pihak yang bertentangan terhadap hak ketuanan Melayu. Namun secara am pengertian tentang konsep hak ketuanan Melayu rumusan Tan Sri Abdullah Ahmad telah diterima dan diguna oleh khalayak ramai. Selepas itu, isu politik mulai beralih kepada kompetisi antara Barisan Nasional melawan Pakatan Rakyat.

## **Kesimpulan**

Sehingga tahun 2011, telah dikenal pasti sekurang-nya empat buku dengan tajuk ketuanan Melayu, iaitu karangan Thock (2007), Dharmala N.S (2008), Jaffar (2010), dan Abdullah (2011), ditambah pula dengan sebuah seminar besar kaum intelektual Melayu pada tahun 2009 di Melaka. Meskipun pengertian tentang konsep hak ketuanan Melayu rumusan Tan Sri Abdullah Ahmad telah diterima oleh khalayak ramai, tetapi rujukannya selalu kepada kedaulatan kerajaan Melaka (1400-1511 M). Dalam makalah ini penulis telah memperlihatkan bahawa konsep hak ketuanan Melayu adalah sama dengan yang disebut oleh pakar hukum adat Belanda, van Vollenhoven, *beschikkingsrecht*, iaitu “hak ketuanan” atas tanah dan politik setiap kelompok masyarakat Melayu-Austronesia sejak mereka menduduki Kepulauan Melayu pada abad ke-3 hingga 4SM. Penulis juga telah memperlihatkan bahawa konsepsi hak ketuanan Melayu adalah semacam “*social contract*” yang tercantum dalam enam Perkara/Fasal dalam Konstitusi Malaysia ditambah dengan satu Akta Angkatan Bersenjata 1972. Saripati daripada hak ketuanan Melayu ialah Tujuh Wasiat Raja-raja Melayu. Hak itu adalah sah secara juridis.

## **Rujukan**

- Abd Razak, Najjah Salwa & Wan Norhasniah Haji Wan Husin. (2011). “Hubungan Sosial Antara Komuniti Melayu Dengan Komuniti Bukan Melayu Mengikut Perspektif Peradaban: Satu Pengenalan,”. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Literature (JOMAS)*, Jilid 22, 2011. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, University Malaya.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2005). “Sejarah Politik Malaysia 1965-2000”. In *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik* (Abdul Rahman Haji Ismail, penyunting). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam, Francis Johen. (1998). “Native customary rights over land in Sarawak”. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 1998, 25 (217-231).
- Ahmad Atory Hussain. (2009). “Beberapa isu yang menjejaskan ketuanan Melayu dan hubungan kaum”. Kertas kerja *Seminar Nasional Ketuanan Melayu*, 6-7 Januari 2009, di Auditorium MITC, Ayer Keroh, Melaka.
- Ahmat Adam. (1996). “Pengaruh Indonesia dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu,” dalam *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia* (Abdul Latiff Abu Bakar, penyunting). Malaysia: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia dan Penerbit Universiti Malaya.
- Appadurai, Jayanath & G.A. David Dass. (2008). *Malaysian Indians: Looking Forward*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Asmah Haji Omar. (2009). “Kata Pengantar,” dalam *Sama Serumpun* (Asmah Haji Omar, penyunting). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bellwood, Peter. (2009). *Prehistory of Indo-Malaysian Archipelago*. Honolulu: University of Hawai’i Press.
- Breman, Jan. (1980). *The Village on Java and the Early Colonial State*. Rotterdam: Erasmus University CASP Series 1, 1980.
- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli; The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chiason, Thomas. (1987). “Dasar-dasar perkauman Melayu”. In *Dato’ Abdullah Ahmad Ketuanan Melayu* (Kadir Abadi, penyunting). Kuala Lumpur: Gateway Publishing.
- Das, K. (1987). *Dominasi Melayu? Rubrik Abdullah*. Kuala Lumpur: A.K. Das Ink Publications.
- Dharmala N.S. (2008). *Ketuanan Melayu Johol*. Selangor: Thinker’s Library Sdn Bhd.
- Dirjen PMD Departemen Dalam Negeri. (1990). “Klasifikasi Tipologi Desa di Indonesia”. In *Sosiologi Pedesaan*, Jilid 2 (Sajogyo dan Pudjiwati Sajogyo, penyunting). Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Faisal Ahmad Shah. (2009). “Faktor kejayaan dan kecemerlangan orang Melayu Menurut Mohamed Idris al-Marbawi,”. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Literature (JOMAS)*, Jilid 20, 2009. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Firman Hasan. (1988). *Dinamika Masyarakat dan adat Minangkabau*. Padang: Pusat Penelitian Universitas Andalas.
- Hasan Ismail. (1987). “Masa depan orang Melayu”. In *Dato’ Abdullah Ahmad Ketuanan Melayu* (Kadir Abadi, penyunting). Kuala Lumpur: Gateway Publishing.
- Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. *Asal usul Melayu: Induknya di alam Melayu* (tanpa penerbit, tanpa tahun).
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Kadir Abadi. (1987). *Dato’ Abdullah Ahmad Ketuanan Melayu*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing.
- Jaffar, Kamarudin. (2010). *Krisis Ketuanan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Ilham Baru.
- Kamarudin Kachar. (2009). “Bahaya Politik Penolakan Ketuanan Melayu”. Kertas kerja *Seminar Nasional Ketuanan Melayu*, 6-7 Januari 2009, di Auditorium MITC, Ayer Keroh, Melaka
- Kartohadikoesoemo, Soetardjo. (1965). *Desa* (Cetakan ke-2). Jogjakarta: Penerbitan Sumur Bandung.
- Koentjaraningrat. (1964). *Masyarakat desa di Indonesia masa ini*. Jakarta: Penerbit Fakultas Ekonomi, Universitas Indonesia.
- Majlis Gerakan Negara. (1969). *The May 13 Tragedy: A report*. Kuala Lumpur.
- Marsden, William. (1966). *The History of Sumatra*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Ridhwan Tee Abdullah. (2011). *Masih adakah Ketuanan Melayu?* Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Munoz, Paul Michel. (2009). *Kerajaan-kerajaan Awal Kepulauan Indonesia dan Semenanjung Malaysia* (terjemahan). Yogyakarta: Penerbit Mitra Abadi.
- Hj. Mohd Jali, Nazaruddin, Ma’rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Hj. Mohd Rashid. (2009). *Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*, edisi kedua. Kuala Lumpur: Prentice-Hall.
- Rab, Tabrani. (2002). *Nasib Suku Asli di Riau*. Pekan Baru: Riau Cultural Institute.

- Ramlah Adam. (2004). *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (2009b). *Dato' Onn Ja'afar Pengasas kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. (1997). *Bujang Tan Domang; Sastra Lisan Orang Petalangan*. Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, Ecole Française d'Extreme-Orient, & The Toyota Foundation.
- Ter Haar, B. (1962). *Adat Law in Indonesia* (Terjemahan dari the Dutch by E. Adamson Hoebel and A. Arthur Schiller). Djakarta: Bhratara.
- Thock Ker Pong. (2007). *Ketuanan politik Melayu: Pandangan kaum Cina*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Tunku Abdul Rahman. (1969). *May 13: Before and after*. Kuala Lumpur.
- Utusan Malaysia*, 15 Oktober 2008.
- Utusan Sarawak*, Ahad 27 November 2011.
- “Stail Pembangunan”. Akhbar *Utusan Sarawak*, 27 November 2011.
- Vollenhoven, C., Van. (1982). *Penemuan Hukum Adat Indonesia* (terjemahan dari bahasa Belanda). Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Zainal Abidin Ahmad. (2012). *PRU 13, UMNO Tumpas?*. Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise.
- Zainal Abidin Borhan. (2009). “Ketuanan Melayu – Lambang perpaduan, kedaulatan dan kewibawaan Malaysia,”. Kertas kerja *Seminar Nasional Ketuanan Melayu*, 6-7 Januari 2009, di Auditorium MITC, Ayer Keroh, Melaka.